



KENANGAN BERSAMA ...
D Kamarudin (duduk, enam dari kanan) bersama pegawai kanan universiti dan barisan Majlis Perwakilan Pelajar UMS yang baharu menggayakan tagline 'Soaring Upwards.'

32 pelajar UMS terima watikah pelantikan MPP

NST 19.12.2017 2

KOTA KINABALU: Seramai 32 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima sijil watikah pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2017/2018 di Galeri Majlis, UMS kelmarin.

Menurut Naib Canselor UMS, Profesor Datuk D Kamarudin D Mudin, pemilihan MPP yang diadakan secara demokrasi pada bulan Oktober lalu adalah satu pilihan yang terbaik oleh pelajar-pelajar UMS dalam menentukan pemimpin yang berkualiter dan layak bersuara bagi mewakili pihak siswa siswi.

"MPP adalah satu entiti yang sangat penting di UMS kerana mereka mempunyai peranan dan fungsi yang besar serta penting bagi menyuarakan suara siswa siswi UMS kepada pihak pengurusan UMS," katanya.

Tambah beliau, MPP juga berfungsi dalam merangka serta menyusun pelbagai strategi dan aktiviti program kemahasiswaan yang bertujuan membangun sahsiah pelajar serta memberi pendedahan kepada pelajar mengenai fungsi dan peranan masing-masing kepada

masyarakat, bangsa dan negara.

"Barisan MPP sesi 2017/2018 yang telah terpilih ini merupakan barisan yang terbaik di antara ribuan pelajar UMS untuk memimpin rakan-rakan seperjuangan di universiti, saya percaya suatu hari nanti anda bakal menjadi pewaris tumpuk pimpinan negara pada masa akan datang," ujarnya.

D Kamarudin juga turut menasihatkan agar barisan MPP sentiasa mengamalkan DSIJ iaitu Dynamic, Sustainable, Integrity, Justice dalam menjalankan amanah yang diberikan.

Terdahulu, Presiden MPP UMS 2017/2018 Jusman Nali memberitahu bahawa beliau dan rakan seperjuangannya bercadang untuk mengadakan Konvensyen De Borneo pada bulan April 2018, yang mana akan menghimpunkan semua pemimpin mahasiswa di negeri Sabah dan Sarawak.

"Kami di barisan MPP mohon dorongan serta sokongan daripada pihak pengurusan UMS untuk menjayakan konvenkesyen ini," katanya.



WATIKAH ... Jusman Nali (kiri) menerima watikah pelantikan daripada Datuk D Kamarudin.

Barisan MPP UMS 2017/2018 diwakili tarian Lestari Sandakan dan lima orang dari oleh 24 orang perwakilan kampus induk Kota pada Fakulti Kewangan Antarabangsa Kinabalu, tiga orang daripada Fakulti Per-